

PENTING

Mengembara dengan WANG TUNAI
dalam mana-mana mata wang dan/atau
INSTRUMEN PEMBAWA BOLEH NIAGA
yang melebihi nilai bersamaan dengan
USD10,000?



Sila isytiharkan amaun
tersebut dengan
menggunakan borang
KASTAM NO. 22

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Cawangan Perhubungan Awam
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Tel : 1-800-88-8855 / +6 03-8882 4803 /
+6 03-8882 2929
E-mel : kastam@customs.gov.my /
aduan@customs.gov.my

BNM TELELINK
Tel : 1-300-88-5465
Faks : +6 03-2174 1515
E-mel : bnmtelexlink@bnm.gov.my

Waktu operasi dari Isnin hingga
Jumaat, 9.00 pagi - 5.00 petang.

**MAKLUMAT KEPADA SEMUA
PENGEMBARA**
untuk membantu anda memahami dan
memenuhi kewajipan di bawah Akta
Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan
Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001

Adakah anda membawa wang tunai dan/atau instrumen pembawa boleh niaga yang melebihi nilai bersamaan dengan USD10,000?

Seseorang yang memasuki atau meninggalkan Malaysia dengan suatu amaun wang tunai dan/atau instrumen pembawa boleh niaga yang melebihi suatu jumlah yang bersamaan dengan USD10,000 dikehendaki membuat pengisytiharan dalam borang Kastam No. 22.

Ini merupakan satu keperluan di bawah seksyen 23 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (Akta).

Siapakah yang perlu membuat pengisytiharan?

Seseorang yang memasuki atau meninggalkan Malaysia melalui mana-mana pintu keluar/masuk Malaysia dengan membawa:

- a) wang tunai; dan/atau
- b) instrumen pembawa boleh niaga;

dalam jumlah yang melebihi USD10,000 (atau bersamaan dengannya dalam mana-mana mata wang lain).

Apakah wang tunai?

Wang tunai termasuk wang kertas dan syiling Ringgit Malaysia dan wang kertas dan syiling mata wang asing.

Apakah instrumen pembawa boleh niaga?

Instrumen pembawa boleh niaga termasuk:

- a) instrumen kewangan dalam bentuk pembawa;
- b) instrumen boleh niaga, sama ada dalam bentuk pembawa, diakui tanpa sekatan, dikeluarkan kepada sesiapa yang mana pembayaran akan dibuat kepada pemegang instrumen tersebut atau dalam mana-mana bentuk yang tuntutan ke atas instrumen tersebut akan dipindahkan kepada sesiapa yang memegang instrumen tersebut; dan
- c) instrumen tidak lengkap yang telah ditandatangani tetapi nama penerima ditinggalkan.

Contoh instrumen pembawa boleh niaga termasuklah cek kembara, draf bank, cek pembawa, bil pertukaran, surat janji, kiraman wang dan wang pos.

Bagaimanakah cara pengisytiharan dibuat?

Isikan borang Kastam No. 22 dengan maklumat yang lengkap dan benar dan pastikan borang tersebut telah ditandatangani dan diletakkan tarikh pengisytiharan dibuat. Serahkan borang yang telah dilengkapkan kepada pegawai Kastam yang bertugas.

Di mana borang Kastam No. 22 boleh didapati?

Borang Kastam No. 22 boleh didapati di kaunter-kaunter sebelum anda melepasi pemeriksaan kastam. Sekiranya borang tersebut tiada, anda boleh meminta borang tersebut daripada pegawai Kastam yang bertugas.

Apa tindakan yang akan dikenakan sekiranya saya gagal membuat pengisytiharan atau membuat pengisytiharan palsu?

Kegagalan untuk membuat pengisytiharan atau membuat pengisytiharan palsu adalah satu kesalahan di bawah Akta, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM1,000,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Kesalahan tersebut juga boleh dikompaun dengan denda tidak melebihi RM500,000. Wang tunai dan instrumen pembawa boleh niaga yang berkenaan boleh disita dan dilucuthakkan.

Bagaimanakah sekiranya wang tunai dan instrumen pembawa boleh niaga saya disimpan di dalam bagasi atau kenderaan?

Semua wang tunai dan instrumen pembawa boleh niaga yang ada pada diri anda, di bawah pemilikan anda atau di dalam mana-mana bagasi, kenderaan atau harta persendirian anda adalah tertakluk kepada keperluan pengisytiharan di bawah Akta.

Bagaimana sekiranya saya membawa wang tunai dan instrumen pembawa boleh niaga untuk orang lain?

Anda masih dikehendaki untuk membuat pengisytiharan dengan mengisi borang Kastam No. 22 dengan maklumat yang lengkap dan benar tentang diri anda dan wang tunai dan instrumen pembawa boleh niaga yang dibawa bersama.

Bolehkah pegawai Kastam, menahan, menyoal dan memeriksa sesiapa?

Pegawai Kastam diberi kuasa di bawah undang-undang untuk menahan, menyoal dan memeriksa mana-mana orang. Anda dikehendaki menjawab dengan jujur sebarang soalan yang berkaitan dengan wang tunai dan/atau instrumen pembawa boleh niaga yang mungkin ditanya oleh pegawai Kastam. Pegawai Kastam mempunyai kuasa untuk menahan dan menyita sebarang wang tunai dan/atau instrumen pembawa boleh niaga yang disyaki tidak diisytiharkan, diisytiharkan dengan palsu atau terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan atau jenayah lain.

Untuk pertanyaan lanjut atau bantuan untuk mengisi borang Kastam No. 22

Sila hubungi pegawai Kastam yang bertugas.